

Headline	UUM sedia 2,000 tempat tinggal pelajar antarabangsa		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Jan 2013	Language	Malay
Circulation	192,982	Readership	1,521,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	10	ArticleSize	186 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 6,297	PR Value	RM 18,891



# UUM sedia 2,000 tempat tinggal pelajar antarabangsa

**Putrajaya:** Pembinaan kampus penginapan baru pelajar Universiti Utara Malaysia yang membabitkan kos RM120 juta di Kedah, akan memberikan kemudahan tempat tinggal lebih selesa kepada 2,000 penuntut, khususnya pelajar antarabangsa.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata projek pembinaan 13 blok penginapan itu dapat menyelesaikan masalah pelajar antarabangsa terutama mereka yang mengikuti kursus pasca ijazah yang lazimnya datang bersama keluarga.

Katanya, antara kriteria utama yang kementerian lihat sebelum membenarkan sesebuah universiti mengambil pelajar antarabangsa ialah kemudahan tempat tinggal pelajar.

"Ini menjadi masalah kepada UUM yang sememangnya mempunyai ramai pelajar antarabangsa, yang sebahagian besarnya mengikuti kursus pasca ijazah dan sudah berkeluarga.

"Saya harap projek ini dapat menyelesaikan masalah dihadapi UUM," katanya pada sidang media selepas majlis menandatangani memorandum perjanjian antara UUM, Uniutama Management Holding (UMHSB) dan Embun Temasik Sdn Bhd (ETSB) di kementeriannya, di sini

semalam.

Projek itu merangkumi pembinaan tujuh blok penginapan berkembar dan enam blok yang mempunyai 360 pangsapuri untuk pelajar berkeluarga, lengkap dengan perabot serta infrastruktur moden.

Khaled berkata, projek itu yang dijangka siap dalam tempoh dua tahun lagi, mampu menarik minat lebih ramai pelajar antarabangsa melanjutkan pengajian di UUM, sekali gus menzahirkan hasrat menjadikan Malaysia hab pendidikan serantau.

Beliau berkata, kemudahan itu akan turut ditawarkan kepada kepada pelajar tempatan asalkan mereka sanggup membayar sewa yang bakal dikenakan.

"Kadar sewa tidak menjadi isu bagi pelajar antarabangsa kerana kebanyakan mereka menerima biasiswa daripada kerajaan masing-masing," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak, berkata pihaknya menyediakan kawasan seluas 12.7 hektar di Bukit Kachi, Kedah, bagi pembinaan kampus penginapan itu.

Beliau yakin pembinaan kemudahan baru itu mampu menarik minat lebih ramai pelajar antarabangsa.

Headline	UUM sedia 2,000 tempat tinggal pelajar antarabangsa		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Jan 2013	Language	Malay
Circulation	192,982	Readership	1,521,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	10	ArticleSize	186 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 6,297	PR Value	RM 18,891



*Mohamed Khaled, Dr Mohamed Mustafa (kiri) dan Pengerusi Embun Temasek Sdn Bhd, Tan Sri Hashim Meon (dua dari kanan) selepas majlis menandatangani MoU, semalam.*